Register your product and get support at

# www.philips.com/welcome

HTS3541



PHILIPS

# Daftar kandungan

1 **Notis** 2
Hak cipta 2
Pematuhan 2
Perisian sumber terbuka 2
Tanda dagangan 2

2 **Penting** 3
Keselamatan 3
Jagaan produk anda 4
Jagaan alam sekitar 4

3 **Teater rumah anda** 5
Unit utama 5
Kawalan jauh 5

4 **Sambungkan teater rumah anda** 7
Pembesar Suara 7
Penyambung 8
Sambung kepada TV 8
Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain 10
Internet 11

5 **Gunakan teater rumah anda** 12
Pilih bunyi 12
Cakera 13
Peranti storan USB 15
DivX 16
Karaoke 17
Pilihan audio, video, da gambar 17
Radio 18
pemain MP3 19
EasyLink 19

6 **Tukar tetapan** 21
Gambar 21
Bunyi 22
Bahasa 22
Kawalan ibu bapa 23
Jimat tenaga 23
Gunakan tetapan kilang 24

7 **Kemas kinikan perisian** 24
Semak versi perisian 24
Kemas kini perisian melalui internet 24
Kemas kini perisian melalui USB 25

8 **Speksifikasi produk** 26

9 **Menyelesaikan masalah** 29

10 **Index** 30

# 1 Notis

Bahagian ini mengandungi notis undang-undang dan tanda dagangan.

## Hak cipta

Be responsible
Respect copyrights

Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten A.S. dan hak harta intelek lain Rovi Corporation. Kejuruteraan undur dan penyahhimpunan adalah dilarang.

## Pematuhan

Produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain berkaitan Arahan 2006/95/EC (Voltan Rendah), 2004/108/EC (EMC).

## Perisian sumber terbuka

Philips Electronics Singapore Pte Ltd dengan ini menawarkan untuk menghantar, apabila diminta, salinan kod sumber lengkap yang sepadan bagi pakej perisian sumber terbuka berhak cipta yang baginya tawaran seumpama ini diminta oleh lesen yang berkaitan. Tawaran ini sah sehingga tiga tahun selepas pembelian produk kepada sesiapa yang menerima maklumat ini. Untuk mendapatkan kod sumber, sila hubungi open.source@philips.com. Jika anda lebih suka untuk tidak menggunakan e-mel atau jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan dalam masa seminggu selepas menulis ke alamat e-mel ini, sila hantar surat kepada "Open Source Team, Philips Intellectual Property & Standards, P.O. Box 220, 5600 AE Eindhoven, The Netherlands". Jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan surat anda pada masa yang sepatutnya, sila hantar e-mel ke alamat e-mel di atas. Teks untuk lesen dan perakuan bagi perisian sumber terbuka yang digunakan dalam produk ini disertakan pada risalah berasingan.

## Tanda dagangan

Logo "Blu-ray Disc", "Blu-ray" dan "Blu-ray Disc" adalah tanda dagangan Blu-ray Disc Association.

Java dan semua tanda dagangan serta logo Java yang lain adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. # Paten: 5,451,942; 5,956,674; 5,974,380; 5,978,762; 6,226,616; 6,487,535; 7,392,195; 7,272,567; 7,333,929; 7,212,872 & lain-lain paten A.S. dan seluruh dunia yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS dan Symbol adalah tanda dagangan didaftar, & DTS-HD, DTS-HD Master Audio | Essential dan logo DTS adalah tanda dagangan DTS, Inc. Product termasuk perisian. © DTS, Inc. Semua Hak Terpelihara.

Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan berdaftar Dolby Laboratories.

DivX ®, DivX Certified ® DivX Plus™ HD dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan DivX, Inc. dan digunakan di bawah lesen.
MENGENAI VIDEO DIVX: DivX ® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, Inc. Ini adalah peranti Diakui DivX rasmi yang memainkan video DivX ® DivX ni adalah peranti Diakui DivX rasmi yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX.
MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti DivX Certified® ini ® hendaklah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan filem Video atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara menyelesaikan pendaftaran anda.

HDMI, dan logo HDMI, dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar LLC melesenkan HDMI di Amerika Syarikat dan negara-negara lain.

CLASS 1
LASER PRODUCT

# 2 Penting

Baca dan faham semua arahan sebelum anda gunakan teater rumah anda. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

## Keselamatan

**Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!**

- Jangan sekali-kali dedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam produk, putuskan sambungan dengan alur keluar kuasa dengan serta merta. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan produk dan aksesori berhampiran nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

**Risiko litar pintas atau kebakaran!**

- Sebelum anda menyambungkan produk kepada alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di belakang atau bahagian bawah produk tersebut. Jangan sekali-kali sambungkan produk kepada alur keluar kuasa jika voltannya berbeza.

**Risiko kecederaan atau kerosakan teater rumah!**

- Bagi produk yang boleh dilekapkan pada dinding, gunakan hanya pendakap lekapan dinding yang dibekalkan sahaja. Kukuhkan lekapan dinding pada dinding yang boleh menyokong gabungan berat produk dan lekapan dinding. Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung sebarang tanggungjawab terhadap pemasangan dinding yang tidak wajar, kecederaan atau kerosakan.

- Bagi pembesar suara dengan dirian, gunakan hanya dirian yang dibekalkan. Pasangkan dirian pada pembesar suara dengan ketat. Letakkan dirian yang dipasangkan pada permukaan mendatar dan sama rata yang boleh menyokong berat gabungan pembesar suara dan dirian.
- Jangan sekali-kali letakkan produk atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik yang lain.
- Jika produk diangkut dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkusan produk dan tunggu sehingga suhunya sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.
- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.
- Bahagian-bahagian produk ini mungkin dibuat daripada kaca. Kendalikan dengan berhati-hati untuk mengelakkan kecederaan dan kerosakan.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan pasang produk dalam ruangan terkurung. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk tersebut.

Risiko pencemaran!

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah kebabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, jadi ia hendaklah dilupuskan dengan betul.

Risiko tertelan bateri!

- Produk/alat kawalan jauh mungkin mengandungi bateri jenis syiling, yang boleh ditelan. Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa!

# Jagaan produk anda

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meleding atau merekah ke dalam petak cakera.
- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk untuk tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

# Jagaan alam sekitar



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.



Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC. Sila pastikan diri anda termaklum mengenai sistem kutipan berasingan setempat bagi produk elektrik dan elektronik.

Sila bertindak menurut peraturan setempat anda dan jangan buang produk lama anda dengan sisa rumah anda yang biasa.

Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah potensi akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.



Produk anda mengandungi bateri yang diliputi oleh Arahan Eropah 2006/66/EC, yang tidak boleh dilupuskan bersama sisa rumah yang biasa.

Sila pastikan diri anda termaklum mengenai peraturan setempat berkenaan kutipan berasingan bateri kerana pelupusan yang betul membantu mencegah akibat yang negatif kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.

# 3 Teater rumah anda

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat manfaat penuh daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftarkan teater rumah anda di www.philips.com/welcome.

## Unit utama




1. **Kompartmen cakera**
2. **Panel paparan**
3. **▲ (Buka/Tutup)**
Buka atau tutup petak cakera, atau keluarkan cakera.
4. **▶❚❚ (Main/Jeda)**
Mula, jeda atau sambung semula main.
5. **SOURCE**
Pilih sumber audio atau video untuk teater rumah ini.
6. **⏻ (Bersedia-Hidup)**
Hidupkan teater rumah atau alihkan kepada siap sedia.

## Kawalan jauh

Bahagian ini mengandungi gambaran keseluruhan alat kawalan jauh.



1. ⏻ **(Bersedia-Hidup)**
   - Hidupkan teater rumah atau alihkan kepada siap sedia.
   - Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti bersambung yang akur HDMI CEC kepada siap sedia.
2. **(Laman utama)**
   Akses menu utama.
3. **Butang sumber**
   - **DISC/POP-UP MENU** : Beralih ke sumber cakera.Akses atau keluar daripada menu cakera ketika anda memainkan cakera.
   - **RADIO** : Beralih ke radio FM.
   - **AUDIO SOURCE** : Pilih sumber input audio.
4. **BACK**
   - Kembali ke skrin menu sebelumnya.
   - Dalam mod radio, tekan dan tahan untuk memadam stesen radio yang telah praset.
5. **Butang navigasi**
   - Navigasi menu.
   - Dalam mod radio, tekan kiri atau kanan untuk memulakan carian automatik.
   - Dalam mod radio, tekan atas atau bawah untuk menala frekuensi radio.
6. **OK**
   Sahkan entri atau pemilihan.
7. **|◀ / ▶| (Sebelumnya/Seterusnya)**
   - Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail.
   - Dalam mod radio, pilih stesen radio pratetap.
8. **■ (Henti) / ▲ (Eject/Buka/Tutup)**
   - Hentikan main.
   - Tekan dan tahan selama tiga saat untuk membuka atau menutup petak cakera, atau mengeluarkan cakera.
9. **◀◀ / ▶▶ (Pantas ke Belakang / Pantas ke Hadapan)**
   Cari ke belakang atau ke hadapan. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.
10. **+/- (Kelantangan)**
    Naikkan atau kurangkan kelantangan.
11. **SOUND SETTINGS**
    Akses atau keluar daripada pilihan bunyi.
12. **Butang abjad angka**
    Masukkan angka atau huruf (menggunakan entri gaya SMS).
13. **REPEAT**
    Pilih atau matikan mod ulang.
14. **TOP MENU**
    Akses menu utama cakera.
15. **OPTIONS**
    - Akses lebih banyak pilihan mainan sambil memainkan cakera atau peranti storan USB.
    - Dalam mod radio, tetapkan stesen radio.
16. **▶ (Main)**
    Mulakan atau sambung semula main.
17. **❚❚ (Jeda)**
    Jedakan main.
18. **(Senyap)**
    Bisukan atau pulihkan kelantangan.
19. **AUDIO**
    Pilih bahasa atau saluran audio.
20. **SUBTITLE**
    Pilih bahasa sari kata bagi video.
21. **Butang berwarna**
    Pilih tugasan atau pilihan bagi cakera Blu-ray.

## Kawalan EasyLink

Dengan EasyLink, anda akan dapat mengawal teater rumah anda dan TV dengan butang-butang berikut pada alat kawalan jauh teater rumah anda (lihat 'EasyLink' di halaman 19).

- ⏻ (**Bersedia-Hidup**): Tekan dan tahan untuk mengalih teater rumah anda, TV dan peranti yang bersambung kepada siap sedia.
- ▶ (**Main**): Apabila cakera video ada di dalam petak cakera, bangkitkan TV daripada keadaan siap sedia, dan kemudian mainkan cakera.

# 4 Sambungkan teater rumah anda

Bahagian ini membantu anda menyambungkan teater rumah anda kepada TV dan peranti lain.

Untuk maklumat tentang sambungan asas teater rumah anda dan aksesorinya, rujuk panduan permulaan ringkas. Untuk panduan interaktif komprehensif, lihat www.connectivityguide.philips.com.

Catatan

- Untuk pengenalpastian dan pengadaran bekalan, rujuk pada plat jenis pada bahagian belakang atau bawah produk.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah ditanggalkan daripada alur keluar kuasa.

## Pembesar Suara

Letakkan kedudukan, sambung, dan sediakan pembesar suara anda bagi bunyi keliling terbaik.

### Kedudukan

Kedudukan pembesar suara memainkan peranan penting dalam menyediakan kesan bunyi keliling.

Untuk hasil terbaik, letakkan pembesar suara dan subwufer anda seperti yang ditunjukkan di bawah.




Catatan

- Bunyi keliling bergantung kepada faktor seperti bentuk dan saiz bilik, jenis dinding dan siling, tingkap dan permukaan pemantul, dan akustik pembesar suara. Buat ujian dengan kedudukan pembesar suara untuk mendapatkan tetapan optimum untuk anda.

Ikuti garis panduan umum ini, dan kemudian sediakan pembesar suara anda.

1 Kedudukan tempat duduk:

Ini adalah pusat kawasan anda mendengar.

2 **FRONT CENTER** pembesar suara (hadapan tengah):

Tempatkan pembesar suara tengah betul-betul di hadapan kedudukan tempat duduk, sama ada di atas atau di bawah TV anda. Pastikan bahawa ia menghampiri ketinggian telinga anda apabila anda sedang duduk.

3 **FRONT LEFT** pembesar suara (hadapan kiri) dan **FRONT RIGHT** (hadapan kanan):

Tempatkan pembesar suara kiri dan kanan anda di hadapan, dan sama jauh daripada pembesar suara tengah dalam bentuk lengkok, supaya ketiga-tiga pembesar suara sama jauh daripada tempat duduk anda. Untuk kesan terbaik, halakan pembesar suara ke arah kedudukan duduk dan letakkan pembesar suara berhampiran dengan paras telinga (semasa duduk).

4 **REAR LEFT** pembesar suara (belakang kiri) dan **REAR RIGHT** (belakang kanan):

Tempatkan pembesar suara belakang di sebelah kiri dan kanan kedudukan tempat duduk anda, sama ada sebaris dengannya atau agak ke belakang sedikit. Untuk kesan terbaik, halakan pembesar suara ke arah kedudukan duduk dan letakkan pembesar suara betul-betul di atas paras telinga (semasa duduk).

5 **SUBWOOFER** (subwufer):

Tempatkan subwufer sekurang-kurangnya satu meter di sebelah kiri atau kanan TV. Tinggalkan ruang lebih kurang sepuluh sentimeter dari dinding.

### Sambungkan

Sambungkan pembesar suara anda dan subwufer ke teater rumah anda sebagaimana yang dihuraikan dalam panduan permulaan ringkas.

## Persediaan

Sediakan pembesar suara anda melalui menu persediaan pembesar suara.

1. Sambungkan pembesar suara dan subwufer anda sebagaimana yang dihuraikan dalam panduan Permulaan ringkas.
2. Tekan ⌂ (**Laman utama**) pada alat kawalan jauh teater rumah anda, dan pilih **[Persediaan]** > **[Audio]** > **[Persediaan Pembesar Suara]**.
3. Masukkan jarak bagi setiap pembesar suara, dan kemudian dengar nada ujian dan ubah kelantangan. Buat uji kaji sedikit dengan kedudukan pembesar suara untuk mendapatkan tetapan yang ideal.

# Penyambung

Sambung peranti-peranti lain kepada teater rumah anda.

## Depan




(1) (USB)
Input audio, video atau gambar daripada peranti storan USB.

(2) MIC
Input audio daripada mikrofon.

(3) MUSIC iLINK
Input audio daripada pemain MP3.

## Penyambung belakang




(1) AC MAINS
Sambung ke bekalan kuasa.

(2) SPEAKERS
Sambung kepada pembesar suara dan subwufer yang dibekalkan.

(3) ANTENNA FM 75 Ω
Input isyarat daripada antena, kabel atau satelit.

(4) AUDIO IN-AUX
Sambung kepada output audio analog pada TV atau peranti analog.

(5) VIDEO OUT
Sambung kepada input video komposit pada TV.

(6) HDMI OUT (ARC)
Sambung kepada input HDMI pada TV.

(7) LAN
Sambung kepada input LAN pada modem atau penghala jalur lebar.

(8) DIGITAL IN-OPTICAL
Sambung kepada output audio optik pada TV atau peranti digital.

(9) DIGITAL IN-COAXIAL
Sambung kepada output audio sepaksi pada TV atau peranti digital.

# Sambung kepada TV

Sambung teater rumah anda kepada TV untuk menonton video. Anda boleh mendengar audio daripada program TV melalui pembesar suara teater rumah anda. Gunakan sambungan kualiti terbaik yang tersedia pada teater rumah dan TV anda.

## Pilihan 1: Sambung ke TV melalui HDMI (ARC)

### Video dengan kualiti terbaik

Teater rumah anda menyokong HDMI versi 1.4 - Saluran Kembali Audio (Audio Return Channel - ARC). Jika TV anda mematuhi HDMI ARC, sambung teater rumah anda ke TV menerusi sambungan HDMI ARC untuk persediaan yang mudah dan cepat.

Dengan HDMI ARC, anda tidak memerlukan kabel audio tambahan untuk memainkan audio daripada TV melalui teater rumah anda.

1 Menggunakan kabel HDMI Berkelajuan Tinggi, sambung penyambung **HDMI OUT (ARC)** pada teater rumah anda kepada penyambung **HDMI ARC** pada TV.
Penyambung **HDMI ARC** pada TV mungkin berlabel **HDMI IN** or **HDMI**. Untuk butiran mengenai penyambung TV, lihat manual pengguna TV.




2 Pada TV anda, hidupkan HDMI-CEC. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.
↳ Apabila anda memainkan cakera pada teater rumah anda, video secara automatik dipaparkan pada TV dan audio secara automatik dimainkan pada teater rumah.

3 Jika audio daripada TV tidak memainkan secara automatik pada teater rumah anda, sediakan audio secara manual (lihat 'Sediakan audio bagi peranti yang bersambung' di halaman 11).

## Pilihan 2: Sambungkan kepada TV melalui HDMI

### Video dengan kualiti terbaik

Jika TV anda tidak patuh HDMI ARC, sambungkan teater rumah anda kepada TV melalui sambungan HDMI standard.

Dengan sambungan HDMI standard, anda memerlukan kabel audio tambahan untuk memainkan audio daripada TV melalui teater rumah anda (lihat 'Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain' di halaman 10).

1 Menggunakan kabel HDMI Berkelajuan Tinggi, sambung penyambung **HDMI OUT (ARC)** pada teater rumah anda kepada penyambung **HDMI** pada TV.
Penyambung HDMI pada TV mungkin berlabel **HDMI IN**.




2 Pada TV anda, hidupkan HDMI-CEC. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.
↳ Apabila anda memainkan cakera pada teater rumah anda, video secara automatik dipaparkan pada TV dan audio secara automatik dimainkan pada teater rumah.

3 Untuk memainkan audio daripada program TV melalui teater rumah anda, sambungkan kabel audio tambahan (lihat 'Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain' di halaman 10).

4 Jika audio daripada TV tidak memainkan secara automatik pada teater rumah anda, sediakan audio secara manual (lihat 'Sediakan audio bagi peranti yang bersambung' di halaman 11).

Catatan

- Jika TV anda mempunyai penyambung DVI, anda boleh menggunakan penyesuai HDMI/DVI untuk menyambung kepada TV.

## Pilihan 3: Menyambung kepada TV melalui video komposit

### Video berkualiti asas

Jika TV anda tidak mempunyai penyambung HDMI, sambungkan teater rumah anda kepada TV melalui sambungan komposit. Sambungan komposit tidak menyokong video definisi tinggi.

Dengan sambungan komposit, anda memerlukan kabel audio tambahan untuk memainkan audio daripada TV melalui teater rumah anda (lihat 'Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain' di halaman 10).

1 Menggunakan kabel video komposit, sambungkan penyambung **VIDEO** pada teater rumah anda kepada penyambung video komposit pada TV.
Penyambung video komposit mungkin berlabel **AV IN**, **VIDEO IN**, **COMPOSITE**, atau **BASEBAND**.




2. Pada TV anda, beralih kepada input video yang betul.
3. Untuk memainkan audio daripada program TV melalui teater rumah anda, sambungkan kabel audio tambahan (lihat ‘Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain’ di halaman 10).
   Pada teater rumah anda, tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih input audio yang betul.

## Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain

Mainkan audio daripada TV atau peranti lain melalui teater rumah anda.
Gunakan sambungan kualiti terbaik yang tersedia pada TV anda, teater rumah, dan peranti lain.

Catatan

- Sambungan audio dalam manual pengguna ini hanyalah syor. Anda juga boleh menggunakan sambungan-sambungan lain.
- Apabila teater rumah anda dan TV disambung melalui **HDMI ARC**, sambungan audio tidak diperlukan.

### Pilihan 1: Sambung audio melalui kabel optik digital

**Audio dengan kualiti terbaik**
Menggunakan kabel optik, sambungkan penyambung **OPTICAL** pada teater rumah anda kepada penyambung **OPTICAL OUT** pada TV atau peranti lain.
Penyambung optik digital mungkin berlabel **SPDIF**, **SPDIF OUT**, atau **OPTICAL**.




### Pilihan 2: Sambungkan audio melalui kabel sepaksi digital

**Audio berkualiti baik**
Menggunakan kabel sepaksi, sambungkan penyambung **COAXIAL** pada teater rumah anda kepada penyambung **COAXIAL/DIGITAL OUT** pada TV atau peranti lain.
Penyambung sepaksi digital mungkin berlabel **DIGITAL AUDIO OUT**.




### Pilihan 3: Sambungkan audio melalui kabel audio analog

**Audio berkualiti asas**
Menggunakan kabel analog, sambungkan penyambung **AUX** pada teater rumah anda kepada penyambung **AUDIO OUT** pada TV atau peranti lain.



## Sediakan audio bagi peranti yang bersambung

Apabila anda menyambung peranti kepada teater rumah anda, semak tetapan audio.

1. Pada TV anda dan peranti lain, hidupkan HDMI-CEC. Untuk mendapatkan butiran, lihat manual pengguna bagi TV dan peranti lain.
2. Pilih 'Amplifier' daripada menu pembesar suara TV. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.
3. Pada teater rumah anda, hidupkan Kawalan Audio Sistem dan kemudian petakan audio peranti bersambung kepada penyambung yang betul pada teater rumah anda (lihat 'Mainkan audio daripada teater rumah' di halaman 20).

   Jika peranti bersambung tidak patuh HDMI-CEC, tekan **SOURCE** berulang kali pada teater rumah anda untuk memilih input audio yang betul.

# Internet

Sambungkan teater rumah anda kepada internet dan nikmati:

- **Aplikasi BD-Live:** Akses perkhidmatan eksklusif daripada cakera Blu-ray dengan BD-Live didayakan (lihat 'BD-Live pada Blu-ray' di halaman 15).
- **Kemas kinian perisian:** kemas kini perisian teater rumah melalui rangkaian (lihat 'Kemas kini perisian melalui internet' di halaman 24).

**!** Awas

- Sebelum anda mencuba untuk menyambungkan teater rumah kepada rangkaian komputer, biasakan diri anda dengan penghala rangkaian, perisian pelayan media dan prinsip perangkaian. Jika perlu, baca dokumentasi yang mengiringi komponen rangkaian. Philips tidak bertanggungjawab atas data yang hilang, rosak atau tercemar.

## Sambungan berwayar

Sambung teater rumah anda kepada penghala anda melalui kabel rangkaian.

**Apa yang anda perlukan**

- Penghala rangkaian (dengan DHCP didayakan).
- Kabel rangkaian (kabel lurus RJ45).
- Untuk mengemas kini aplikasi dan perisian BD-Live, pastikan bahawa penghala rangkaian mempunyai akses ke Internet dan tembok api dinyahdayakan.

## Sediakan rangkaian berwayar

Sambung teater rumah anda kepada penghala anda seperti yang ditunjukkan di bawah, dan kemudian hidupkan peranti.




1. Sambung teater rumah kepada penghala rangkaian melalui sambungan berwayar (lihat 'Sambungan berwayar' di halaman 11).
2. Hidupkan TV anda dan beralih ke sumber yang betul bagi teater rumah ini.
3. Tekan ⌂ (**Laman utama**).
4. Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
5. Pilih **[Rangkaian]** > **[Pemasangan Rangkaian]** > **[Berwayar (Ethernet)]**, dan kemudian tekan **OK**.
6. Ikuti arahan pada TV untuk melengkapkan persediaan.
   ↳ Teater rumah bersambung kepada internet. Jika sambungan gagal, pilih **[Cuba lagi]**, kemudian tekan **OK**.
7. Pilih **[Selesai]**, dan kemudian tekan **OK** untuk keluar.

Periksa tetapan rangkaian berwayar.

1. Tekan 🏠 (**Laman utama**).
2. Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih **[Rangkaian]** > **[Lihat Tetapan Rangkaian]**, dan kemudian tekan **OK**.
   ↳ Tetapan rangkaian semasa dipaparkan.

# 5 Gunakan teater rumah anda

Bahagian ini membantu anda dalam menggunakan teater rumah untuk memainkan media daripada berbagai-bagai sumber.

**Sebelum anda bermula**

- Buat sambungan yang diperlukan seperti yang dihuraikan dalam panduan Permulaan Ringkas dan manual pengguna.
- Tukar TV kepada sumber yang betul bagi teater rumah ini.

## Pilih bunyi

Bahagian ini membantu anda memilih bunyi yang sempurna untuk video atau muzik anda.

1. Tekan **SOUND SETTINGS**.
2. Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk mengakses pilihan bunyi pada paparan.

| Tetapan bunyi | Perihalan |
|---|---|
| SOUND | Pilih mod bunyi. |
| SURROUND | Pilih bunyi keliling atau bunyi stereo. |
| TREBLE | Laraskan output frekuensi tinggi. |
| MID | Laraskan output frekuensi pertengahan. |
| BASS | Laraskan output frekuensi rendah. |
| AUD SYNC | Tunda audio agar sepadan dengan video. |

3. Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
4. Tekan **BACK** untuk keluar.
   Jika anda tidak menekan sebarang butang selama satu minit, menu akan keluar secara automatik.

### Mod bunyi

Pilih mod bunyi yang dipratetapkan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.

1. Tekan **SOUND SETTINGS**.
2. Pilih **SOUND**, kemudian tekan **OK**.

3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan pada paparan:
- **MOVIE**: Nikmati pengalaman audio bagaikan benar-benar di panggung wayang, ditingkatkan khusus untuk wayang gambar.
- **MUSIC**: Cipta kembali suasana rakaman asal muzik anda, di dalam studio atau ketika menghadiri konsert.
- **ORIGINAL**: Alami bunyi asal wayang dan muzik anda, tanpa kesan bunyi tambahan.
- **NEWS**: Dengarkan setiap perkataan dengan pertuturan dioptimumkan dan vokal yang jelas.
- **GAMING**: Nikmati bunyi arked yang menyeronokkan, yang ideal untuk permainan video penuh aksi atau parti yang lantang.

4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

## Mod bunyi surround

Alami pengalaman audio perendaman dengan mod bunyi surround.

1 Tekan **SOUND SETTINGS**.
2 Pilih **SURROUND**, kemudian tekan **OK**.
3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan daripada paparan anda.
- **AUTO**: Bunyi keliling berdasarkan strim audio.
- **5CH STER**: Bunyi stereo dipertingkatkan. Sempurna untuk muzik parti.
- **MULTI-CH** : Bunyi berbilang saluran yang mengelilingi persekitaran untuk pengalaman filem yang dipertingkatkan.
- **STEREO**: Bunyi stereo dua saluran. Sesuai untuk mendengar muzik.

4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

## Penyama

Tukar tetapan frekuensi tinggi (trebel),frekuensi pertengahan (mid), dan frekuensi rendah (bes) teater rumah.

1 Tekan **SOUND SETTINGS**.
2 Pilih **TREBLE**, **MID** atau **BASS**, dan kemudian tekan **OK**.
3 Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk mengubah frekuensi.
4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

# Cakera

Teater rumah anda boleh memainkan cakera DVD, VCD, CD, dan Blu-ray. Ia juga boleh memainkan cakera yang anda buat sendiri, seperti cakera CD-R foto dan muzik.

**Apa yang anda perlukan**
- Sambungan audio dan video antara teater rumah anda dan TV.
- Cakera audio atau video.

## Mainkan cakera

1 Masukkan cakera ke dalam teater rumah.
↳ TV anda akan beralih kepada sumber yang betul, dan cakera akan dimainkan secara automatik.
2 Jika cakera tidak dimainkan secara automatik, tekan **DISC** atau pilih **[mainkan cakera]** pada menu utama, dan kemudian tekan **OK**.
3 Tekan butang-butang mainan untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 14).

## Mainkan fail RMVB atau RM

**Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China**
Fail Real Media Variable Bitrate (RMVB) dan RealMedia (RM) mengandungi kedua-dua audio dan video. Anda boleh menyalin fail RMVB atau RM daripada komputer anda ke dalam cakera boleh rakam atau peranti storan USB, dan memainkannya pada teater rumah anda.

1 Mainkan cakera (lihat 'Mainkan cakera' di halaman 13) atau peranti storan USB (lihat 'Mainkan fail' di halaman 16) yang mengandungi fail RMVB atau RM.

Catatan

- Pastikan sambungan fail ialah '.RMVB' atau '.RM'.
- Pastikan fail sari kata mempunyai nama fail yang betul-betul sama dengan fail video (lihat 'Sari kata' di halaman 16).
- Jika sari kata tidak muncul dengan betul, tukar set aksara (lihat 'Set aksara sari kata' di halaman 16).

Bahasa Melayu

## Mainkan butang

| Butang | Tindakan |
|---|---|
| **Butang navigasi** | Navigasi menu. |
| **OK** | Sahkan entri atau pemilihan. |
| ▶ (**Main**) | Mulakan atau sambung semula main. |
| ❚❚ | Jedakan main. |
| ■ | Hentikan main. |
| ⏮ / ⏭ | Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail. |
| ◀◀ / ▶▶ | Mara undur atau mara laju. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian. |
| **Butang navigasi** (atas/bawah) | Putar gambar mengikut arah jam atau melawan arah jam. |
| **SUBTITLE** | Pilih bahasa sari kata bagi video. |
| **DISC** | Akses atau keluar daripada menu cakera. |
| **AUDIO** | Pilih bahasa atau saluran audio. |
| **REPEAT** | Pilih atau matikan mod ulang. |
| ☰ **OPTIONS** | Akses pilihan lanjutan apabila anda memainkan fail audio, video, atau media anda (lihat 'Pilihan audio, video, da gambar' di halaman 17). |

Bagi format video seperti DivX dan WMV:

- Untuk menghentikan mainan, tekan ■.
- Untuk menyambung kembali video dari tempat anda berhenti, tekan ▶ (**Main**).
- Untuk memainkan video dari mula, tekan **OK**.

## Paparkan menu bagi VCD dan SVCD

Paparkan menu kandungan pada cakera VCD dan SVCD.

1. Tekan 🏠 (**Laman utama**).
2. Pilih **[Persediaan]** > **[Keutamaan]**, dan kemudian tekan **OK**.
3. Pilih **[VCD PBC]** > **[Hidup]**, dan kemudian tekan **OK**.

**Catatan**

- Untuk melangkaui menu kandungan, pilih **[Mati]**.

## Segerakkan gambar dengan bunyi.

Jika audio dan video tidak segerak, tunda audio agar sepadan dengan video.

1. Tekan **SOUND SETTINGS**.
2. Pilih **AUD SYNC**, kemudian tekan **OK**.
3. Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk menyegerak audio dengan video.
4. Tekan **OK** untuk mengesahkan.

## Bonus View pada Blu-ray

Pada cakera Blu-ray yang menyokong Bonus View, nikmati kandungan tambahan, seperti komentar pengarah, semasa anda menonton kandungan utama. Bonus View juga dikenali sebagai gambar dalam gambar.

1. Dayakan Bonus View (gambar dalam gambar) dalam menu cakera Blu-ray.
2. Semasa anda memainkan ciri utama, tekan ☰ **OPTIONS**.
   ↪ Menu pilihan dipaparkan.
3. Pilih **[Pilihan PIP]** > **[PIP]**, dan kemudian tekan **OK**.
   ↪ Bergantung pada video, pilihan PIP [1] atau [2] dipaparkan.
   ↪ Video gambar dalam gambar dipaparkan dalam tetingkap kecil.
4. Pilih **[Bahasa Audio ke-2]** atau **[Bahasa Sari Kata ke-2]**, dan kemudian tekan **OK**.
5. Pilih bahasa, kemudian tekan **OK**.

**Catatan**

- Untuk mematikan Bonus View, tekan ☰ **OPTIONS**, pilih **[Pilihan PIP]** > **[Mati]**, dan kemudian tekan **OK**.

## BD-Live pada Blu-ray

Pada cakera Blu-ray dengan kandungan BD-Live, akses ciri tambahan, seperti sembang internet dengan pengarah, treler filem terkini, permainan, hias latar dan nada dering.

**Apa yang anda perlukan**

- cakera Blu-ray dengan kandungan BD-Live.
- sambungan internet
- peranti storan USB, dengan sekurang-kurangnya 1GB memori.

Catatan

- Perkhidmatan BD-Live berbeza-beza dari negara ke negara, dan bergantung kepada cakera.
- Apabila anda menggunakan BD-Live, data pada cakera dan teater rumah diakses oleh pembekal kandungan.

## Akses BD-Live dengan peranti storan USB

1. Sambung teater rumah anda kepada rangkaian rumah dan internet (lihat 'Internet' di halaman 11).
2. Sambung peranti storan USB kepada teater rumah.
   - Peranti storan USB digunakan untuk menyimpan kandungan BD-Live yang dimuat turun.
3. Pilih ikon BD-Live pada menu cakera, kemudian tekan **OK**.
   ↳ BD-Live mula dimuatkan. Masa memuat bergantung pada cakera dan sambungan internet anda.
4. Tekan **Butang navigasi** untuk menavigasi BD-Live, dan kemudian tekan **OK** untuk memilih item.

## Kosongkan memori.

Jika peranti storan anda tidak mempunyai memori yang cukup bagi kandungan BD-Live, kosongkan memori pada peranti storan.

1. Tekan ⌂ (**Laman utama**).
2. Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih **[Lanjutan]** > **[Kosongkan ingatan]**, dan kemudian tekan **OK**.
   ↳ Ini akan mengosongkan memori tempatan dan memadam fail BD-Live yang telah anda muat turun ke dalam peranti storan anda.

## Nyahdaya BD-Live

Untuk mengehadkan akses kepada BD-Live, hidupkan keselamatan BD-Live.

1. Tekan ⌂ (**Laman utama**).
2. Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih **[Lanjutan]** > **[Keselamatan BD-Live]** > **[Hidup]**, dan kemudian tekan **OK**.
   ↳ Akses BD-Live adalah terhad.

Catatan

- Anda tidak boleh mengehadkan akses internet pada cakera Blu-ray komersial.

# Peranti storan USB

Nikmati gambar, audio dan video pada peranti storan USB.

**Apa yang anda perlukan**

- Peranti storan USB yang telah diformat bagi sistem fail FAT, DOS atau NTFS, dan mematuhi Kelas Penyimpanan Massa.
- Kabel sambungan USB, jika peranti storan USB tidak muat pada penyambung.

Catatan

- Anda boleh menggunakan kamera digital yang bersambung melalui USB jika ia dapat memainkan fail tanpa memerlukan program komputer khas.
- Untuk memainkan DivX DRM - fail yang dilindungi pada Peranti storan USB, sambung teater rumah anda kepada TV melalui kabel HDMI.

## Mainkan fail

1. Sambung peranti storan USB kepada teater rumah.
2. Tekan 🏠 (**Laman utama**).
   ↳ Menu utama dipaparkan.
3. Pilih **[Semak Imbas USB]**, kemudian tekan **OK**.
   ↳ Penyemak imbas kandungan dipaparkan.
4. Pilih fail, kemudian tekan **OK**.
5. Tekan butang main balik untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 14).

# DivX

Mainkan video DivX daripada:

- cakera (lihat 'Cakera' di halaman 13),
- peranti storan USB (lihat 'Peranti storan USB' di halaman 15).

Catatan

- Untuk memainkan fail terlindung DivX DRM daripada cakera atau peranti storan USB, sambungkan teater rumah anda kepada TV melalui kabel HDMI.

## Kod VOD bagi DivX

Sebelum membeli video DivX dan memainkannya pada teater rumah anda, daftarkan teater rumah anda di www.divx.com menggunakan kod DivX VOD.

1. Tekan 🏠 (**Laman utama**).
2. Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih **[Lanjutan]** > **[Kod VOD DivX®]**, dan kemudian tekan **OK**.
   ↳ Kod pendaftaran DivX VOD bagi teater rumah anda akan dipaparkan.

## Sari kata

Jika video anda mengandungi sari kata dalam berbilang bahasa, pilih satu bahasa sari kata.

1. Semasa memainkan video, tekan **SUBTITLE** untuk memilih bahasa.

Catatan

- Pastikan fail sari kata mempunyai nama fail yang sama dengan fail video. Misalnya, jika fail video bernama 'movie.avi', simpan fail sari kata sebagai 'movie.srt' atau 'movie.sub'.
- Teater rumah anda boleh memainkan fail sari kata dalam format berikut: .srt, .sub, .txt, .ssa, .ass, .smi, dan .sami. Fail-fail ini tidak muncul pada menu navigasi fail.
- Jika sari kata tidak muncul dengan betul, tukar set aksara.

## Set aksara sari kata

Jika sari kata tidak muncul dengan betul, tukar set aksara yang menyokong sari kata DivX atau RMVB/RM.

1. Tekan ☰ **OPTIONS**.
   ↳ Menu pilihan dipaparkan.
2. Tekan **Butang navigasi** untuk memilih **[Set Aksara]**, dan kemudian tekan **OK**.
3. Pilih set aksara.

## Asia Pasifik dan China

| Set Aksara | Bahasa |
|---|---|
| [Standard] | Albania, Denmark, Belanda, Inggeris, Finland, Perancis, Gaelic, Jerman, Itali, Kurdish (Latin), Norway, Portugis, Sepanyol, Sweden, Turki |
| [Bahasa China] | Cina Mudah |
| [Bahasa China-Tradisional] | Cina Tradisional |
| [Bahasa Korea] | Inggeris dan Korea |

# Karaoke

Mainkan cakera Karaoke pada teater rumah anda dan menyanyilah mengikut muzik.

**Apa yang anda perlukan**

- Mikrofon Karaoke.
- Cakera Karaoke.

Catatan

- Untuk mengelakkan bunyi yang kuat dan tak dijangka, turunkan kelantangan mikrofon kepada yang minimum sebelum anda menyambung mikrofon kepada teater rumah anda.

## Mainkan muzik karaoke.

1. Semasa memainkan cakera Karaoke, tekan ☰ **OPTIONS**.
   ↳ Menu pilihan dipaparkan.
2. Pilih **[Bahasa Audio]**, kemudian tekan **OK**.
3. Pilih saluran audio yang mematikan vokal, dan kemudian tekan **OK**.
4. Pilih **[Karaoke]**, kemudian tekan **OK**.
   ↳ Menu persediaan karaoke akan dipaparkan.
5. Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) dan **OK** untuk memilih tetapan berikut:
   - **[Mikrofon]**: Hidupkan atau matikan mikrofon.
   - **[Kelantangan mikrofon]**: Ubah kelantangan mikrofon.
   - **[Gema]**: Laraskan tahap gema.
   - **[Kunci]**: Ubah nada agar sepadan dengan suara anda.

# Pilihan audio, video, da gambar

Gunakan ciri lanjutan apabila anda memainkan fail audio, video, atau media daripada cakera atau peranti storan USB.

## Pilihan audio

Semasa memainkan audio, ulangi trek, cakera atau folder audio.

1. Tekan ☰ **OPTIONS** berulang kali untuk beralih antara fungsi-fungsi berikut:
   - **RPT TRACK** / **RPT FILE**: Ulangi trek atau fail semasa.
   - **RPT DISC** / **RPT FOLDER**: Ulangi semua trek pada cakera atau folder.
   - **RPT RANDOM**: Mainkan trek audio dalam susunan rawak.
   - **RPT OFF**: Matikan mod ulangan.

## Pilihan video

Semasa menonton video, pilih pilihan seperti sari kata, bahasa audio, carian masa, dan tetapan gambar. Bergantung kepada sumber video, beberapa pilihan tidak tersedia.

1. Tekan ☰ **OPTIONS**.
   ↳ Menu pilihan video dipaparkan.
2. Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
   - **[Bahasa Audio]**: Pilih bahasa sari kata bagi audio.
   - **[Bahasa Sari Kata]**: Pilih bahasa sari kata bagi video.
   - **[Anjak Sari Kata]**: Laraskan kedudukan sari kata pada skrin.
   - **[Maklumat]**: Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.
   - **[Set Aksara]**: Pilih set aksara yang menyokong sari kata DivX.
   - **[Carian Masa]**: Langkau ke bahagian tertentu video dengan memasukkan masa adegan.
   - **[Bahasa Audio ke-2]**: Pilih bahasa audio kedua bagi video Blu-ray.
   - **[Bahasa Sari Kata ke-2]**: Pilih bahasa sari kata kedua bagi video Blu-ray.
   - **[Tajuk]**: Pilih tajuk tertentu.
   - **[Bab]**: Pilih bab tertentu.
   - **[Karaoke]** (Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China): Laraskan tetapan karaoke.
   - **[Senarai Sudut]**: Pilih sudut kamera yang berbeza.
   - **[Menu]**: Paparkan menu cakera.
   - **[Pilihan PIP]**: Paparkan tetingkap Gambar dalam Gambar ketika memainkan cakera 3D Blu-ray yang menyokong Bonus View.
   - **[Zum]**: Zum kepada adegan video atau gambar. Tekan **Butang navigasi** (kiri/ kanan) untuk memilih faktor zum.
   - **[Ulang]**: Ulangi bab atau tajuk.
   - **[Ulang A-B]**: Tandakan dua titik dalam bab atau trek untuk mengulangi mainan, atau matikan mod ulangan.
   - **[Tetapan Gambar]**: Pilih tetapan warna yang telah dipratakrif.

## Pilihan gambar

Semasa melihat gambar, zum ke dalam gambar, putarkan, tambah animasi kepada tayangan slaid, dan tukar tetapan gambar.

1. Tekan ☰ **OPTIONS**.
   ↳ Menu pilihan gambar akan muncul.
2. Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan menukar tetapan berikut:
   - **[Putar +90]**: Putar gambar 90 darjah mengikut arah jam.
   - **[Putar -90]**: Putar gambar 90 darjah melawan arah jam.
   - **[Zum]**: Zum kepada adegan video atau gambar. Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih faktor zum.
   - **[Maklumat]**: Paparkan maklumat gambar.
   - **[Tempoh setiap slaid]**: Pilih kelajuan paparan setiap gambar dalam tayangan slaid.
   - **[Animasi Slaid]**: Pilih animasi bagi tayangan slaid.
   - **[Tetapan Gambar]**: Pilih tetapan warna yang telah dipratakrif.
   - **[Ulang]**: Ulang folder yang dipilih.

## Tayangan slaid

Semasa memainkan audio, akses ciri-ciri yang menyeronokkan seperti tayangan slaid gambar dan muzikal.

## Tayangan slaid gambar

Lihat tayangan slaid gambar anda yang disimpan dalam cakera atau peranti storan USB.

1. Pilih gambar daripada cakera atau peranti storan USB, lalu tekan ▶ (**Main**).
2. Tekan ☰ **OPTIONS**.
3. Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih tetapan berikut:
   - **[Animasi Slaid]**: Pilih animasi untuk tayangan slaid ini.
